



KENYATAAN MEDIA

PERLAKSANAAN KEBENARAN AKTIVITI IBADAT DI MASJID DAN SURAU DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) MULAI 12 MEI SEHINGGA 7 JUN 2021 DI NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

Menjunjung titah perintah dan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, Sultan dan Yang Dipertuan Bagi Negeri Terengganu Darul Iman serta segala jajahan takluknya selaku Ketua Agama Islam Negeri Terengganu.

Selaras dengan kenyataan media oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 10 Mei 2020 yang mengumumkan keputusan Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) Mengenai Pengurusan Covid-19 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di **SELURUH NEGARA** mulai **12 Mei sehingga 7 Jun 2021**, Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu bersetuju

perlaksanaan aktiviti ibadat di masjid dan surau sepanjang tempoh tersebut dalam Negeri Terengganu seperti berikut:

- i) Solat Jumaat di masjid adalah **DIBENARKAN** dengan kehadiran jemaah seramai **empat puluh (40) orang tidak termasuk Ahli Jawatankuasa Masjid.**
- ii) Solat sunat Aidilfiti di masjid dan surau adalah **DIBENARKAN** dengan kehadiran **jemaah lelaki sahaja seramai empat puluh (40) orang tidak termasuk Ahli Jawatankuasa Masjid dan Surau.**
- iii) Solat fardu lima (5) waktu di masjid dan surau adalah **DIBENARKAN** dengan kehadiran jemaah **tidak melebihi dua puluh (20) orang.**
- iv) Kehadiran ahli jemaah ke masjid dan surau hanyalah **DIBENARKAN** dari kalangan **ahli qaryah yang bermastautin sahaja kecuali** mana-mana orang yang diberi **KEBENARAN KHAS** oleh Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama Terengganu.
- v) Bukan Warganegara adalah **TIDAK DIBENARKAN** hadir ke masjid atau surau sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini dilaksanakan.

- vi) Aktiviti keagamaan dan kemasyarakatan yang lain adalah **TIDAK DIBENARKAN** sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini dilaksanakan.
- vii) Ziarah kubur semasa sambutan Hari Raya Aidilfitri adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
- viii) Mana-mana masjid atau surau yang dikenakan arahan penutupan di bawah seksyen 18 (1) (d) Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) **TIDAK DIBENARKAN** melaksanakan apa-apa aktiviti sepanjang tempoh penutupan.


Jawatankuasa masjid dan surau dikehendaki mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) Kesihatan dan Keselamatan dan Garis Panduan serta arahan yang dikeluarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu dari masa ke semasa.

Baginda menzahirkan rasa dukacita dan memahami akan kesulitan dan kesusahan yang perlu dihadapi oleh rakyat jelata lebih-lebih lagi dalam suasana Hari Raya Aidilfitri yang tidak berapa hari lagi akan disambut oleh umat Islam.

Baginda juga mengharapkan semoga semua rakyat jelata bersabar dengan situasi yang perlu dihadapi dan berdoa semoga

kita semua dilindungi oleh Allah Subhanahu Wataala dari wabak ini dan semoga Allah Subhanahu Wataala memberkati dan merahmati kita semua.

Menjunjung titah,



A handwritten signature in black ink, appearing to read "Chol". It is written over a horizontal line that also contains the text "DATO' HAJI OSMAN BIN MUDA".

DATO' HAJI OSMAN BIN MUDA

YANG DIPERTUA

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU TERENGGANU

12 MEI 2021M BERSAMAAN 30 RAMADAN 1442H